

# **METRO**

TARIKH	05 / 04 / 2014	SEKSYEN	SETEMPA T
MUKA SURAT	59	RUANGAN	

Kuala Lumpur

## **Kementerian sah tiada kes baru MERS-CoV**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan tiada kes baru dan kluster jangkitan Sindrom Pernafasan Timur Tengah-Virus Korona(MERS-CoV) dikesan lagi setakat ini.

Sehubungan itu, jumlah kumulatif dilaporkan dari seluruh negara masih kekal sebagai satu kes kematian iaitu di Batu Pahat, Johor saja.

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pihaknya terus menjalankan aktiviti pencegahan dan kawalan di setiap peringkat.

“Semua kontak di bawah pemantauan kesihatan berada dalam keadaan sihat setakat ini.

“KKM sentiasa mempertingkatkan tahap siap siaga semua peringkat bagi menghadapi kejadian MERS-CoV termasuk meningkatkan kapasiti dan kapabiliti makmal bagi mengesan serta mengesahkan jangkitan virus itu,” katanya.